

22 Julai 2020

Untuk Siaran Segera

RATU HIJABISTA

PENCARIAN IKON WANITA MODEN MASA KINI MENERUSI ‘RATU HIJABISTA’

Puan Sri Normala Samsudin terima mandat selaku juri tetap, gandingan Uyaina Arshad dan Fikry Ibrahim sahut cabaran kemudi musim pertama

MENGENAI PENCARIAN ‘RATU HIJABISTA’

Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2012, Majalah Hijabista terbukti berjaya memberi impak sekaligus mewarnai industri penerbitan dan digital tanah air. Sehingga kini, jenama Hijabista juga sering menjadi rujukan golongan wanita berhijab khusus dalam memberi inspirasi, tip kecantikan, fesyen dan juga kerohanian.

Justeru, buat julung kalinya pihak Astro menerusi kerjasama strategik di antara **saluran Astro Prima** dan pihak **Nu Ideaktiv Sdn. Bhd.** bakal menganjurkan pertandingan realiti ‘**Ratu Hijabista**’ bagi mencari ikon wanita berhijab yang berinspirasi dan boleh menjadi contoh kepada segenap lapisan masyarakat.

Bakal bersiaran selama lapan minggu, para peserta harus memperlihatkan pesona ratu ideal melalui siri cabaran yang bakal menguji kekuatan fizikal dan mental serta keazaman mereka untuk menjadi sumber inspirasi kepada masyarakat sekaligus berentap untuk merebut gelaran juara.

PETIKAN KENYATAAN RASMI WAKIL ASTRO & NU IDEAKTIV



Norzeha Mohd Salleh, Pengurus Saluran Astro Prima

“Selaku pengajur bersama, Astro menyambut baik inisiatif pengajuran program ‘Ratu Hijabista’ yang mengiktiraf potensi bakat luar biasa dan sumbangan kaum wanita agar dapat memberi inspirasi kepada wanita di luar sana khususnya golongan yang berhijab. Bukan itu sahaja, platform pencarian seumpama ini juga berupaya mewujudkan persekitaran positif sekaligus meningkatkan keyakinan setiap wanita yang pastinya ada memasang impian untuk berjaya dalam apa juar bidang yang diceburi.”

Dalam dunia serba moden masa kini, kehadiran dan sumbangan besar kaum wanita cukup menyerlah dalam pelbagai bidang terutamanya yang banyak dimonopoli oleh kaum lelaki. Ia membuktikan kaum wanita juga mampu melangkah jauh untuk sama-sama menyemarakkan industri ke arah dan ke tahap yang lebih baik pada masa akan datang.

Semoga penganjuran ‘Ratu Hijabista’ dapat mengukuhkan lagi pengaruh jenama Hijabista sebagai sebuah platform pencarian bakat komersial sekaligus mampu meneruskan legasi kecemerlangan jenama kandungan harta intelek yang lain seperti Dewi Remaja dan Hero Remaja.”



Fiezreen Ahmad, Editor Pengurusan Hijabista

“Sudah tiba masanya Hijabista melangkah ke satu tahap yang lebih tinggi. Daripada hanya sebuah majalah dan seterusnya berkembang pesat di dunia digital dengan jutaan pelayar setiap bulan. Kini Ratu Hijabista yang bakal bersiaran di saluran Astro Prima merupakan pertaruhan terbaru jenama ini.

Membawa inti pati jenama yang memartabatkan golongan wanita berhijab, pencarian ini dilihat sebagai salah satu wadah khusus untuk suara wanita berhijab yang kini sudah mampu berdiri sama tinggi, dan duduk sama rendah dengan golongan yang lain. Hijab bukan sebuah lambang kelemahan sebaliknya sebagai lambang manifestasi diri yang cemerlang, sama seperti kesemua finalis yang terpilih. Setiap seorang dari mereka memiliki latar pendidikan yang baik dan persona diri yang menarik serta meyakinkan.”

TRIVIA MENGENAI PENCARIAN ‘RATU HIJABISTA’

1. Untuk makluman, susulan perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat krisis pandemik Covid-19, sesi ujibakat peringkat pertama dan kedua pencarian ‘Ratu Hijabista’ juga telah dijalankan secara atas talian sepanjang tempoh bermula 1 hingga 14 Jun yang lalu.
2. Penyertaan yang terbuka kepada semua wanita Malaysia berhijab berumur di antara 21 hingga 30 tahun ini juga telah menarik lebih 550 calon peserta untuk memuatnaik video ujibakat mereka di laman sosial Instagram. Daripada jumlah tersebut, seramai 12 finalis terbaik telah disenarai pendek menerusi sesi saringan yang ketat untuk diserap masuk bagi memeriahkan penganjuran musim pertama.
3. Personaliti jelita tersohor dalam bidang pengacaraan, **Puan Sri Normala Samsudin** diberi mandat untuk menggalas tanggung jawab selaku juri tetap yang bakal mengadili pencarian ‘Ratu Hijabista’ musim pertama. Beliau juga turut terlibat dalam penjurian tertutup sewaktu sesi ujibakat baru-baru ini.
4. Sementara itu, nantikan juga penampilan istimewa barisan personaliti popular yang diundang khas secara bergilir-gillir pada setiap minggu sebagai juri jemputan.
5. Nasib para peserta akan ditentukan sepenuhnya berdasarkan sistem pemarkahan 100% oleh pihak juri profesional. Mereka akan dinilai mengikut kriteria utama termasuklah elemen keyakinan diri, kebijaksanaan, keluasan pengetahuan am, kreativiti, personaliti dan karisma yang menarik.

6. Manakala pelakon dan pengacara yang semakin meningkat naik, **Uyaina Arshad** dan **Fikry Ibrahim** pula digandingkan buat pertama kali untuk mengemudikan pencarian kali ini sebagai hos program.
7. Pemilihan kedua-dua mereka sebagai hos untuk program bukan sahaja berdasarkan kepada bakatnya dalam bidang pengacaraan, malah mereka turut memiliki personaliti yang bersahaja dan menarik yang sememangnya menepati konsep dan penonton sasaran program ini.
8. Juara ‘Ratu Hijabista’ akan membawa pulang wang tunai RM10,000, tiara, trofi dan selempang. Peserta yang mendapat kedudukan di tangga kedua pula bakal membawa pulang wang tunai RM5,000 beserta trofi dan selempang. Manakala pemenang ‘Hijabista Favourite 2020’ pula akan dipilih bedasarkan undian peminat tertinggi di laman web rasmi www.hijabista.com.my
9. Dalam pada itu, penganjuran ‘Ratu Hijabista’ juga turut disokong oleh **Safi Hijabista** yang hadir sebagai **Penaja Utama** untuk penganjuran musim pertama. Manakala **ZAYAN** pula turut menghulurkan sokongan selaku **Radio Rasmi**.

12 FINALIS ‘RATU HIJABISTA’

1. AISHAH

Siti Aishah Idris, 27, Pulau Pinang
IG @i_shahidris

2. AQILLA

Nur Aqilla Sidi Ahmad, 25, Negeri Sembilan
IG @qilalawa

3. AUNEE

Aunee Azrina Zulkifli, 27, Johor
IG @auneekifli

4. EKA

Asfika Mohamad, 26, Pahang
IG @eka_mohamad

5. ELLYNA

Nurul Ellyna Anuar, 21, Johor
IG @nurulellynaa

6. FIFFY AFRINA

Nurfiyanti Afrina Roslan, 23, Pulau Pinang
IG @fiffyafrina

7. JIHA

Nur Fatin Najihah Noor Hisham, 21, Johor
IG @najihah_sham

8. QILA

Wan Nur Aqilah Shahirah Wan Lokman, 21, Selangor
IG @qilaistheone

9. SAREE

Siti Sarah Abdullah, 21, Selangor
IG @sareeabd

10. MELL

Shamellya Norazizi, 23, Selangor
IG @mellyazizi

11. TINA

Qistina Sofia Abdul Aziz, 24, Shah Alam
IG @tinaziz

12. YUSRINA

Nuryusrina Shan Firdaus Shan, 23, Kedah
IG @yusrinashan

INFO SIARAN PENCARIAN ‘RATU HIJABISTA’

Rangkaian program ‘Ratu Hijabista’ akan mula bersiaran secara eksklusif menerusi saluran **Astro Prima (125)** dan **Astro Prima HD (105)** serta turut boleh distrim menerusi aplikasi **Astro GO** dan perkhidmatan **On Demand** untuk pilihan yang lebih fleksibel.

Kapsul pengenalan 12 peserta boleh ditonton melalui liputan harian ‘**Profil Ratu Hijabista**’ pada **setiap hari, jam 11.55 pagi dan 6.55 petang** bermula **23 Julai hingga 9 Ogos 2020**. Klip sedutan aktiviti perkembangan para peserta sepanjang musim ini pula dapat ditonton melalui liputan harian ‘**Jurnal Ratu Hijabista**’ pada setiap hari **Isnin hingga Rabu, jam 6.55 petang** bermula **10 Ogos 2020**.

Manakala rakaman program pencarian ‘Ratu Hijabista’ pula akan bersiaran selama lapan episod pada **setiap hari Rabu, jam 9.00 malam mulai 12 Ogos 2020**.

Di samping itu, perjalanan terkini para peserta juga akan mendapat liputan menyeluruh termasuklah paparan aktiviti di sebalik tabir menerusi laman sosial Majalah Hijabista.

IKUTI INFO TERKINI ‘RATU HIJABISTA’ DI PLATFORM INI

on demand 

Aplikasi Astro on demand



Aplikasi Astro GO



@hijabistamag



Hijabista Magazine



#RatuHijabista #MajalahHijabista #SayaSayangSaya #SafiHijabista #BarulahOn

MENGENAI NU IDEAKTIV

Nu Ideaktiv Sdn Bhd; sebuah usaha sama Astro dan Karangkraf telah ditubuhkan pada 2 Mei 2018. Nu Ideaktiv berusaha untuk menyebarkan infomasi dan hiburan melalui kandungan yang penuh inspirasi, aspirasi dan maklumat kepada semua lapisan masyarakat. Nu Ideaktiv memiliki 39 harta intelek termasuk 15 jenama terkenal yang menghasilkan pelbagai kandungan dan berusaha untuk menjadi jenama peneraju dalam komuniti Melayu. Kandungan Nu Ideaktiv boleh dinikmati melalui pelbagai platform termasuk majalah, digital dan tv.

TAMAT

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Cik Chi (Astro) - maizatul_azni@astro.com.my | Atikah (Nu Ideaktiv) - atikah@ideaktiv.com

